

PERTANYAAN LANJUT

Berkaitan kertas kerja poster dan oral:

Dr. Mazidah binti Mat
Pusat Penyelidikan Padi & Beras
Ibu Pejabat MARDI
Tel: 03 8953 6202 Faks: 03 8953 6220
E-mel: mazidah@mardi.gov.my

Berkaitan penyertaan tajaan & iklan:

Nur Mohd Saifuddin bin Salahuddin
Pusat Perkhidmatan Teknikal & Pengkomersialan Teknologi
Ibu Pejabat MARDI
Tel: 03 8953 6766 Faks: 03 8953 6773
E-mel: saif@mardi.gov.my

Berkaitan pendaftaran dan pembayaran yuran:

Mariana binti Mat Yasin
Pusat Promosi & Pembangunan Perniagaan
Ibu Pejabat MARDI
Tel: 0 8953 6805/6803 Faks: 03 8953 6789/6770
E-mel: confexh@mardi.gov.my

PADI 2017
Persidangan Padi Kebangsaan

PERSIDANGAN PADI KEBANGSAAN 2017

'Meneroka Potensi Eksport'

26 - 28 September 2017 • Dorsett Grand Subang, Selangor

Penganjur: MARDI

Disokong oleh: moa INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



LATAR BELAKANG

Padi merupakan tanaman strategik dari segi keselamatan makanan, pembasmian kemiskinan dan sosio-politik di Malaysia. Pengeluaran padi perlu terus diberi perhatian kerana ia menghasilkan makanan ruji rakyat negara ini. Pengeluaran padi di kawasan jelapang telah menyumbang kepada 66% keseluruhan pengeluaran padi negara.

Terdapat lapan kawasan jelapang padi utama yang merangkumi keseluruhan 52% daripada jumlah kawasan tanah rendah yang bertanam padi. Pembukaan empat kawasan jelapang baharu iaitu di Kota Belud (Sabah), Batang Lupar (Sarawak), Rompin dan Pekan (Pahang) yang meliputi 19,000 hektar kawasan bertujuan meningkatkan pengeluaran beras negara yang bukan sahaja dapat memenuhi jaminan dan keperluan keselamatan makanan, malah berupaya untuk dieksport.

Bagi memenuhi keperluan eksport, produktiviti padi tempatan perlu sentiasa dipertingkatkan melalui penanaman varieti padi berhasil tinggi, amalan penanaman yang baik dan sistematik, pengawalan penyakit dan makhluk perosak yang efektif dan bersepadu dan penambahbaikan infrastruktur seperti saliran dan pengairan serta jalan-jalan ladang ke tahap terbaik. Purata produktiviti padi tempatan ialah 3.8 t/ha, manakala purata hasil di kawasan jelapang adalah lebih kurang 4.7 t/ ha. Kualiti beras juga perlu ditingkatkan supaya memenuhi kehendak pasaran antarabangsa.

Selain itu, dasar dan polisi dalam industri padi dan beras yang menjadi kekangan kepada pengeksportan beras perlu dinilai semula. Begitu juga dengan potensi beras tempatan untuk pasaran eksport perlu dikenal pasti dan peranan 'stakeholder' di sepanjang rantaian nilai perlu diperkemaskan.

Persidangan Padi Kebangsaan 2017 dengan tema 'Meneroka Potensi Eksport" adalah kesinambungan penganjuran Persidangan Padi Kebangsaan yang telah diadakan pada 2010 dan 2013.

OBJEKTIF

- Menyediakan platform untuk pelbagai pihak berkongsi pengetahuan, pengalaman dan pendapat serta idea tentang isu-isu semasa dan terkini dalam industri padi dan beras negara
- Membincangkan strategi untuk memperkukuhkan industri padi dan beras ke arah merealisasikan cadangan mengeksport beras istimewa tempatan
- Membincangkan strategi menambah baik polisi dan dasar bagi membolehkan pengeksportan beras

SESI UCAPTAMA

Oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

SKOP PERSIDANGAN

- Dasar dan polisi pemudah cara ke arah pengeksportan beras
- Potensi beras tempatan untuk pasaran eksport
- Peningkatan pengeluaran dan kualiti padi dan beras ke arah pasaran eksport
- Peranan 'stakeholder' sepanjang rantaian nilai

JEMPUTAN KERTAS KERJA POSTER

Jemputan untuk menyertai pembentangan kertas kerja poster mengikut tema dan sesi persidangan. Berikut panduan penulisan abstrak lanjutan:

- Bahasa: Bahasa Melayu
- Format: Microsoft Word (Doc.)
- Saiz A4, *single spacing, left justified* dengan *margin* 1", font jenis Arial saiz 12 pt
- Maksimum 5 muka surat mengandungi pengenalan, metodologi, hasil dan perbincangan, rumusan dan rujukan.
- Format abstrak lanjutan boleh dirujuk di laman web PADI 2017

Poster adalah bersaiz **potret A1 (18 x 28) inci**.

Abstrak hendaklah dihantar terlebih dahulu ke emel berikut: **mazidah@mardi.gov.my**.



Berikut adalah tarikh-tarikh penting berkaitan:

- Tarikh akhir penghantaran abstrak **15 Mei 2017**
- Pemberitahuan penerimaan abstrak **15 Jun 2017**
- Tarikh akhir serahan abstrak lanjutan **14 Julai 2017**

BAHASA

Bahasa pengantar persidangan adalah **bahasa Melayu**.

LAWATAN TEKNIKAL

Lawatan teknikal akan diaturkan pada **29 September 2017.**

YURAN*

Peserta biasa	:	**RM1000**
Pelajar[1]	:	**RM500**

[1] *Mohon disertakan bukti sebagai pelajar (kad pelajar atau surat daripada Dekan/Ketua Fakulti)*

* Yuran merangkumi material persidangan, jamuan ringan dan makan tengah hari.
* Yuran pendaftaran hendaklah dibayar selewat-lewatnya **22 September 2017**
* Yuran pendaftaran termasuk GST
* Yuran pendaftaran tidak termasuk caj bank

Bayaran hendaklah dibuat kepada:

DANA PERSIDANGAN MARDI

No. akaun: 8002159290

CIMB Bank Berhad

SIAPA YANG PATUT HADIR?

√ Penggubal dasar
√ Penyelidik
√ Pegawai pengembangan
√ Ahli akademik
√ Pelajar sarjana
√ Usahawan
√ Pegawai swasta
√ NGO

PENDAFTARAN

Untuk menyertai persidangan ini, peserta hendaklah membuat pendaftaran secara atas talian di http://padi.mardi.gov.my

TAJAAN DAN IKLAN

Individu, syarikat dan organisasi dijemput untuk menyertai pakej tajaan dan iklan yang ditawarkan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan masing-masing kepada para peserta yang terlibat dalam industri padi. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web PADI 2017.

Laman web PADI 2017
http://padi.mardi.gov.my